

INFO

Tengku Menteri Ngah Ibrahim dan Laksamana Mohamad Amin Alang

- Dituduh bersubahat membunuh Residen British yang pertama di Perak, JWW Birch, di Pasir Salak pada 2 November 1875.
- Dibuang negeri bersama Sultan Abdullah dan Datuk Syahbandar Uda Maamor ke Seychelles di Lautan Hindi pada 1877.
- British menolak permohonan pengampunan kedua-dua mereka untuk kembali ke Perak sebaliknya dihantar ke Sarawak dan kemudian ke Singapura.
- Ngah Ibrahim meninggal dunia di Singapura pada 4 Februari 1895 dan Mohamad Amin pada 1908.
- Pusara Mohamad Amin di Choa Chu Kang, Singapura akan digali semula jam 9 pagi ini manakala kubur Ngah Ibrahim di Jalan Kubur, Singapura pada jam TO pagi.
- Jasad Ngah Ibrahim akan dikuburkan semula di pekarangan Kompleks Muzium Matang manakala Mohamad Amin di Makam Diraja Perak di Bukit Chandan, Sabtu ini.



PERSIAPAN PENGGALIAN: Ahli arkeologi dari Jabatan Warisan Negara dan kakitangan Warees Investments memulakan kerja awal sebelum proses penggalian dilakukan di pusara Orang Besar Jajahan Hilir Perak, Tengku Ngah Ibrahim di Pusara Al-Junied, Jalan Kubur, Singapura, semalam.

KD Laksamana Mohd Amin bawa pahlawan

SINGAPURA: Ketika kapal Tentera taut Diraja Malaysia (TLDM) *KD Laksamana Mohamad Amin* ditauliahkan pada Julai 1999, tidak ramai yang menyangka satu hari ia akan ditugaskan membawa pulang jenazah seorang pahlawan Melayu yang namanya diabadikan padanya.

samana Tan Pusmah.

Flari ini. *KD Laksamana Mohamad Amin* akan berlabuh di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), Johor untuk membawa pulang jasad Laksamana Mohamad Amin Alang dan Orang Besar Jajahan Hilir Perak, Tengku Menteri Ngah Ibrahim selepas kerja menggali semula ku-

di Hilir Perak abad ke-19, ialah antara beberapa orang yang disabitkan dengan pembunuhan Residen British pertama di Perak, JWW Birch, di Pasir Salak pada 2 November 1875.

Berikutan penangkapan mereka, ketiga-tiganya dan Datuk Syahbandar Uda Maamor dibuang negeri ke Seychelles di Lautan Hindi pada 1877.

serta beberapa sekutu mereka dibicarakan atas tuduhan melakukan pembunuhan itu dan digantung di Matang pada tahun yang sama.

Selepas 16 tahun dalam buangan, Sultan Abdullah diampunkan oleh British dan dibenarkan kembali ke Perak dan tinggal di Kuala Kangsar sehingga kemangkatannya.

Mereka dihantar ke Sarawak dan ke Singapura di mana Ngah Ibrahim meninggal dunia pada 4 Februari 1895 dan Mohamad Amin pada 1908. Uda Maamor juga dipercayai meninggal dunia di Singapura.

Menurut Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Singapura, penggalian kubur Mohamad Amin di Pu-